

Unit vaksin bergerak percepat capai matlamat imuniti kelompok

Berita HARJAN (31/05/2021) M/S 11

Oleh Prof Fatimah Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

Ramai merungut dengan masalah dihadapi ketika pendaftaran sukarela pengambilan vaksin AstraZeneca dibuka secara dalam talian Jumaat lalu.

Sudahlah jangka waktu akses singkat, laman web pula kaku tidak boleh dibuka. Dalam waktu singkat, pendaftaran ditutup menyebabkan ramai kecewa.

Situasi ini bertentangan hasrat negara untuk meluaskan suntikan vaksin sebanyak mungkin bagi membanteras COVID-19. Peluang diberi bukan hanya terhad, tetapi memihak kepada mereka yang pantas dan memiliki talian internet yang baik. Pengguna berasak-asak berlumba mendapat tempat.

Yang menyedihkan dasar 'siapa dulu dia dapat' dalam situasi sangat terdesak ibarat membaling roti kepada pengemis yang lapar - siapa kuat akan dapat, siapa lemah akan ternganga hampa.

Begitulah analogi menggambarkan perlumbaan mendapatkan vaksin AstraZeneca itu. Nyata sekali, dalam situasi genting dan menakutkan, dasar 'siapa cepat dia dapat' tidak saksama. Ia bukan saja mendorong perebutan, tetapi mendiskriminasikan penerima vaksin yang pantas.

Penerima di kawasan pedalaman di mana talian internet bermasalah, tidak berpeluang. Begitu juga yang tiada khidmat internet, akan diketepi dan tertinggal.

Lazimnya kelompok ini berada dalam golongan B10 dan B20 sama ada di bandar, desa dan pedalaman. Begitu juga pengguna sudah berusia yang tidak memiliki internet dan tiada kemahiran menggunakan komputer

Penafian ke atas golongan miskin akan hanya meningkatkan kes COVID-19. Kehidupan terdesak mendorong mereka bergerak dan keluar memper tahankan rezeki. Kepadatan bilangan ahli keluarga dan komuniti rumah pangsa akan memudahkan jangkitan virus dengan cepat dan meluas.

Dalam masa darurat, dasar vaksin perlulah terbuka kepada semua, cepat, meluas dan mesra rakyat. Suntikan vaksin harapan akhir untuk menghapuskan COVID-19 selepas kegagalan beberapa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu.

Dalam kata lain, dasar pengagihan vaksin perlu bersifat 'vaksin untuk semua' tanpa mengira lokasi atau status sosial. Aplikasi MySejahtera pula perlu mesra pengguna dan memiliki capaian pantas da-

lam semua keadaan. Begitu juga laman web, perlu mesra pengguna dari serba serbinya.

Falsafah sama dicadangkan dalam pemberian vaksin. Selain beberapa Pusat Pemberian Vaksin (PPV) kerajaan dan swasta dikenal pasti, dicadangkan kerajaan menyediakan khidmat suntikan menghampiri rakyat, terutama di kawasan pedalaman dan kawasan miskin bandar yang padat.

Dengan kata mudah - beri vaksin di mana rakyat berada.

Model turun padang pemberian vaksin terus ke lokasi pengguna dilaksanakan beberapa negara terutama United Kingdom. Ia terbukti efektif, terutama di kawasan pedalaman dan miskin di mana pengguna mungkin tidak mampu ke PPV kerana kurang upaya, berusia dan jauh.

Suntikan vaksin juga boleh disediakan dalam kenderaan bergerak. Banyak faedah diperoleh melalui pendekatan ini.

Selain mesra pengguna, suntikan dapat dibuat dengan cepat dan cekap, membolehkan cakupan kawasan lebih luas termasuk pedalaman, boleh menggembelng sumber tempatan seperti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), ketua kampung, polis dan sebagainya, selain klinik dan hospital tempatan serta kos pengendalian murah kerana tidak perlu menyewa stadium atau dewan luas.

Pemantauan suntikan juga mudah dilaksanakan kerana saiz populasi kecil, selain memudahkan urusan suntikan orang kurang upaya (OKU) atau penghuni rumah pangsa, mengurangkan kos pengangkutan pengguna, mencakupi pengguna yang tiada internet atau tidak celik komputer serta memperkasakan komuniti untuk menjaga anggota mereka.

Semua faedah di atas akan membantu mempercepatkan suntikan vaksin kepada rakyat dengan cekap, lantas membanteras COVID-19.



Dasar pengagihan vaksin perlu bersifat 'vaksin untuk semua' tanpa mengira lokasi atau status sosial.

(Foto hiasan)



Felo Senior
Institute of
Democracy and
Economic Affairs
(IDEAS) Universiti
Putra Malaysia